

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
(JEMPOL)**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini pemegang sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah didaftarkan mengikut kaum, negeri, produk dan perkhidmatan serta perancangan untuk meningkatkan jumlah pemegang sijil tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensijilan halal terbuka kepada semua tanpa mengira kaum atau bangsa berdasarkan ISO/IEC 17065. Statistik terkini sehingga 25 September 2019 pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia seluruh negara adalah sebanyak 12,843 syarikat dengan jumlah produk yang dipersijilkan sebanyak 257,490. Sebanyak 3,111 premis makanan dan 403 bagi rumah sembelihan serta 136 syarikat logistik. Adapun jumlah yang diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2019 merujuk kepada Pihak Berkuasa Pensijilan Halal adalah sebagaimana berikut :-

BIL	PIHAK BERKUASA BERWIBAWA	JUMLAH LULUS
1.	SELANGOR	1395
2.	JAKIM	1,336
3.	JOHOR	595
4.	PULAU PINANG	462
5.	MELAKA	259
6.	PERAK	246
7.	NEGERI SEMBILAN	238
8.	PAHANG	164
9.	KEDAH	161
10.	SARAWAK	110
11.	TERENGGANU	97
12.	SABAH	86
13.	KELANTAN	49
14.	PERLIS	17

Jadual 1 : Kelulusan SPHM Jan-25 September 2019

Sekian, terima kasih.